



## Selamat Bersidang

### PERWAKILAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN YANG KE - 36

03 JUN 2017 | 2.00 PETANG  
DEWAN BANKUET MENARA FELDA



Dirasmikan oleh:

**YB Dato' Seri Hamzah Zainudin**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan

## Mesyuarat Agung

menjadi platform atau wadah bagi perwakilan  
mengembleng idea bagi memajukan KPF


Seramai 1,421 perwakilan akan menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Yang Ke-36 ("MAPT") pada 3 Jun 2017, 2.00 petang bertempat di Dewan Bankuet Menara FELDA, Kuala Lumpur. YB Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dijadual akan merasmikan mesyuarat tersebut.

MAPT ini hanya akan dihadiri oleh perwakilan yang telah dilantik semasa Mesyuarat Agung Kawasan Sesi 2017-2018 yang telah dipengerusikan oleh anggota Lembaga KPF serta seorang proksi daripada koperasi anggota.

MAPT akan menjadi suatu platform atau wadah bagi anggota perwakilan mengembleng idea yang bernalas bagi sama-sama memajukan KPF, disamping menilai pencapaian tahun sebelumnya agar KPF terus cemerlang dan gemilang.

Selamat Menjalani  
Ibadah Puasa  
Kepada  
Muslimin & Muslimat

Daripada:  
Pengerusi, Anggota Lembaga  
& Pengurusan Kumpulan KPF



# Sidang Redaksi.

## Penasihat

Sakinah Salleh

## Ketua Editor

Mohammed Sunaini Yusop

## Editor

Mohd Suhairy Mat Sari  
Saifuddin Sulaiman  
Mohd Fikrie Azlan

## Fotografi

Ahmad Yusri Yusof

## Rekabentuk/ Percetakan

Felda Trading Sdn Bhd  
(D'PRINT)


Farhan Akmal Parsi

## Sebarang artikel boleh dihantar kepada:

Seksyen Penerbitan dan Acara Korporat,  
Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad,  
Aras 8, Balai Felda,  
Jalan Gurney 1,  
54000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2694 2095

E-mel: kpfadmin@felda.net.my



**Assalamualaikum wbt.**

**ALHAMDULILLAH** dan syukur ke hadrat Ilahi atas limpah kurniaNya, penerbitan Warkah KPF berjaya direalisasikan. Tahniah dan syabas kepada semua petugas yang telah berusaha menyiapkan buletin ini.

Besar harapan saya agar penerbitan Warkah KPF ini dapat mendukung aspirasi Visi dan Misi dengan sokongan dan komitmen warga KPF yang tidak berbelah bahagi. Usaha sebegini diharapkan dapat memberi informasi yang menyeluruh, terkini dan berkesan berkaitan KPF kepada anggota.

Maklum balas dan cadangan yang konstruktif dari warga KPF seluruhnya untuk penambahbaikan warkah ini sangat dialu-alukan. Diharapkan juga, warkah ini akan menjadi sumber informasi terkini, menambahkan pengetahuan dan meningkatkan imej kecemerlangan KPF.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Warkah KPF ini.

## Sakinah Salleh

Pengarah Eksekutif Kanan Kumpulan/  
Ketua Pegawai Eksekutif KPF



# TAHNIAH KPF!

## KPF Terima Anugerah Francaisi Terbaik Malaysia 2016

**Setelah** diberi pengiktirafan sebagai Francaisi Harapan 2015, KPF terus menempa nama dalam industri francaisi tempatan dengan memenangi Anugerah Francaisi Terbaik Malaysia 2016.

Ar-Rahn KPF merupakan perkhidmatan pembiayaan bercagar emas (Sistem Pajak Gadai Islam) yang telah diperkenalkan sebagai alternatif kepada pajak gadai konvensional yang mana bertujuan untuk menghapuskan riba dan gharar.

Anugerah Francaisi Harapan Antarabangsa Terbaik dimenangi Top Notch Establishment Sdn Bhd (McDonald's) manakala Francaisi Harapan Malaysia Terbaik dimenangi oleh Nutrafood Resources Sdn Bhd (The Manhattan Fish Market).

Anugerah berprestij ini telah disampaikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, YB Dato' Seri Hamzah Zainudin sempena Malam Anugerah Francaisi Tahunan 2016 pada 9 November 2016 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur anjuran Persatuan Francaisi Malaysia (MFA) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKK).

Terdahulu, YB Dato' Seri Hamzah Zainudin menyeru agensi kerajaan yang terlibat dengan industri francaisi untuk memberikan sokongan yang lebih jitu kepada industri tersebut. Beliau berkata jenama francais

negara telah berkembang pesat dalam tempoh lapan tahun ini. Katanya pada tahun 2008, jumlah jenama francaisi Malaysia di luar negara hanya sebanyak 29 francaisor di 31 buah negara dengan jumlah 174 buah outlet.

**"Namun sekarang, sebanyak 64 jenama francaisi Malaysia telah berkembang ke 65 buah negara dengan sejumlah 4,045 outlet di seluruh dunia,"** katanya ketika berucap merasmikan majlis itu.

Sehingga akhir Disember 2016, KPF telah mempunyai 16 outlet Ar-Rahn dan merancang menambah 10 outlet lagi sebelum akhir tahun 2017. Selain pemilihan lokasi yang strategik, KPF juga memfokuskan kawasan yang berhampiran dengan penempatan FELDA dan zon-zon kawasan tertentu sebagai nilai tambah ke atas kemudahan anggotanya.

Kejayaan KPF selaku pemain baru, menempa nama dalam industri francaisi membuktikan KPF berada di landasan yang tepat apabila mengembangkan sayap perniagaannya dalam aktiviti pajak gadai Islam, sekaligus membuktikan industri itu mampu berdaya saing. KPF juga menyasarkan untuk terus membuka cawangan Ar-Rahn dengan memperkenalkan jenamanya sendiri kelak.

## KPF MENGEKALKAN KEDUDUKAN 100 KOPERASI TERBAIK MALAYSIA 2016

**KPF** terus kekal tersenarai dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2016. Kejayaan tersebut membuktikan KPF masih lagi diiktiraf sebagai peneraju dalam gerakan koperasi. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan, Dato' Haji Abdullah Haji Mahmood di Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2016 pada 22 Februari 2017.

Program ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada koperasi-koperasi yang telah menunjukkan prestasi yang baik dari segi perniagaan dan pematuhan perundangan. Selain itu juga, program ini menjadikan koperasi sebagai entiti yang dapat memberikan sumbangan yang berkesan ke arah mencapai matlamat Dasar Koperasi Negara 2011 - 2020.



Pengarah Eksekutif Kanan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif KPF Puan Sakinah Salleh bergambar bersama penerima anugerah Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2016

## Pengerusi Eksekutif SKM Meninjau Kemajuan Pembinaan Hotel Tenera, Bangi

**Pengerusi** Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Dato' Dr. Noor Zari Hamat telah melakukan lawatan kerja ke kompleks Hotel Tenera milik KPF di Bangi pada 17 Mac 2017. Tujuan utama lawatan kerja ini adalah untuk meninjau kemajuan akhir pembinaan Hotel Tenera yang merupakan hotel terbesar yang dimiliki dan dikendalikan oleh gerakan koperasi negara.



Hotel Tenera Bangi dijadual beroperasi mulai Jun 2017

Hotel Tenera dengan 302 buah bilik adalah bertaraf 4 bintang yang terletak di Bandar Baru Bangi. Disamping hotel, terdapat sebuah Pangsapuri Perkhidmatan (Service Apartment) yang mengandungi 200 buah bilik dan Restoran Taman (Garden Restaurant). Selain daripada memiliki dewan bankuet dan bilik seminar, Hotel Tenera juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti kolam renang muslimah. Hotel ini dijangka beroperasi pada akhir bulan Jun 2017.

Dato' Dr. Noor Zari Hamat bersama delegasi telah dibawa melihat sekitar

## PELAN STRATEGIK 5 TAHUN KPF: KESINAMBUNGAN KECEMERLANGAN



Dato' Dr. Noor Zari Hamat diberikan taklimat oleh Bendahari KPF  
Encik Mohd Shahrin Mohd Ali

kompleks Hotel Tenera serta diberikan taklimat mengenai kemajuan pembinaannya.

Lawatan tersebut turut disertai oleh pegawai-pegawai SKM dari Ibu Pejabat dan Cawangan Wilayah Persekutuan.

**"SKM sememangnya menyokong penuh usaha KPF dalam menceburi bidang perhotelan dan berharap agar usaha ini dilakukan dengan penuh komitmen,"** kata Dato' Dr. Noor Zari Hamat dalam ucapannya sebelum mengakhiri lawatan tersebut.

Dalam mendepani tahun mendatang yang kian mencabar, KPF telah mengambil inisiatif dalam merangka Pelan Strategik 5 Tahun (2017 - 2021). Langkah proaktif ini adalah bertujuan memata halatuju dan visi yang akan dicapai dalam tempoh 5 tahun akan datang selain daripada sebagai kesinambungan kepada Pelan Perniagaan 5 Tahun yang akan berakhir pada hujung tahun 2017.

Bengkel Pelan Strategik 5 tahun yang diadakan di Port Dickson, Negeri Sembilan telah menggariskan 4 teras utama bagi menjayakan misi dan visi KPF dalam tempoh 5 tahun akan datang iaitu "Pemegang Taruh", "Pelaburan Dan Perniagaan", "Modal Insan" dan "Kewangan".

Bengkel selama 3 hari tersebut telah dirasmikan oleh Pengarah Eksekutif Kanan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif KPF, Puan Sakinah Salleh. Turut menyertai bengkel tersebut ialah Kumpulan Pengurusan KPF serta Ketua-ketua Jabatan.

### MOHD SHAHRIN MOHD ALI DILANTIK MENGANGGOTAI JAWATANKUASA PERHUBUNGAN ANGKASA NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN


**Bendahari KPF**, Encik Mohd Shahrin Mohd Ali telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri (JPANWP) bagi tahun 2017-2018 dengan memperolehi undi tertinggi. Pemilihan tersebut telah berlangsung semasa Persidangan Negeri ANGKASA Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2017 pada 26 Mac 2017.

Ini merupakan julung kalinya wakil KPF bertanding merebut jawatan dalam JPANWP. Kemenangan ini suatu lagi pengiktirafan kepada KPF selaku koperasi terbaik negara. KPF mampu menyumbangkan sesuatu yang bermakna untuk kemajuan dan pembangunan gerakan koperasi negara terutama di Wilayah Persekutuan.



Encik Mohd Shahrin Mohd Ali,  
Bendahari KPF





Datuk Hanapi Suhada sedang memberi taklimat kepada YB Tan Sri Shahrir Abdul Samad

## KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT PENGERUSI FELDA

Lembaga KPF bersama Kumpulan Pengurusan telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Pengurus FELDA, YB Tan Sri Shahrir Abdul Samad pada 3 April 2017.

Perjumpaan yang berlangsung hampir sejam itu sempat menerangkan kepada beliau mengenai aktiviti KPF dan hala tujuanya. Taklimat telah disampaikan oleh Pengurus KPF, Datuk Hanapi Suhada.

Melalui kunjungan ini juga dapat memperkuuhkan dan memantapkan lagi hubungan baik yang telah lama terjalin di antara KPF dan Pengurusan FELDA.

Beliau turut gembira dengan pencapaian KPF sebagai koperasi terbaik negara dan ingin melihat KPF terus menjadi wadah utama simpanan dan pelaburan khususnya warga peneroka. YB Tan Sri Shahrir turut menyatakan komitmennya akan terus membantu KPF jika ada peluang-peluang perniagaan yang berdaya maju sesuai untuk disertai KPF demi kebaikan sosio-ekonomi peneroka dan anggota KPF keseluruhannya.

## Peranan JPS JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

Penasihat Syariah berperanan memastikan semua aktiviti KPF & subsidiari patuh syariah

**Masyarakat** Islam memerlukan keyakinan bukan sahaja pemakanan malahan simpanan dan pelaburan yang mereka sertai adalah halal. Maka di sinilah letaknya peranan Jawatankuasa Penasihat Syariah ("JPS") dalam gerakan koperasi untuk memberi keyakinan berkenaan aktiviti yang dijalankan dan produk yang ditawarkan terutama kepada anggota muslim.

KPF turut mempunyai JPS yang berwibawa dalam memikul tanggungjawab tersebut. Beberapa orang tokoh yang berkompeten telah dilantik menganggotai JPS iaitu Ustaz Mohd Ridzuan Awang; Prof. Madya Dr Aznan Hasan dan Datuk Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa.

Antara peranan JPS ialah memastikan tujuan dan urusniaga perniagaan atau pelaburan yang hendak dijalankan tidak terlibat dengan unsur-unsur yang meragukan atau tidak memenuhi tuntutan syarak; memberi pandangan syariah terhadap operasi dan



Barisan Jawatankuasa Penasihat Syariah dari kiri; Prof. Madya Dr Aznan Hasan; Ustaz Ridzuan Awang; Datuk Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa dan Ustaz Abdul Rahman Hamzah (Sekretariat)

kewangan, memberi nasihat tentang audit syariah dan menasihati tentang produk-produk kewangan.

JPS diberi kuasa untuk memeriksa rekod-rekod yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti koperasi ini dan subsidiari-subsidiarinya bagi memastikan hal-hal koperasi dijalankan berlandaskan syariah Islam.

## Cawangan-cawangan Ar-Rahn KPF kini berhampiran ANDA!

1. Alor Setar, Kedah
2. Bayan Baru, Pulau Pinang
3. Ipoh, Perak
4. Semenyih, Selangor
5. Klang, Selangor
6. Tumpat, Kelantan
7. Segamat, Johor
8. Jerantut, Pahang
9. Bera, Pahang
10. Bandar Tun Razak Jengka, Pahang
11. Kuantan, Pahang
12. Kuala Lipis, Pahang
13. Rompin, Pahang
14. Dungun, Terengganu
15. Kuala Terengganu, Terengganu
16. Kuala Berang, Terengganu
17. Senawang, Negeri Sembilan
18. Bahau, Negeri Sembilan
19. Seremban, Negeri Sembilan

**Kunjungi kami.....segera  
Kami memahami keperluan  
ANDA!**

## Bingkisan Rohani

Kita sekarang berada di bulan Syaaban dan tidak lama lagi Ramadhan datang menghampiri kita. Bulan Syaaban merupakan waktu yang tepat untuk berpuasa bagi melatih diri untuk terbiasa puasa satu bulan penuh selama Ramadhan. Bahkan orang yang puasa Syaaban termasuk orang yang menghormati bulan Ramadan. Nabi Muhammad SAW mengatakan,


***"Puasa Syaaban itu untuk menanggung Ramadhan,"***

- (HR At-Tarmidzi)

Puasa Syaaban sangat dianjurkan oleh Nabi Muhammad SAW. Menurut pengakuan 'Aisyah RA, "Hanya di bulan Ramadhan Nabi Muhammad berpuasa satu bulan penuh dan saya tidak melihat Beliau sering puasa kecuali di bulan Syaaban," (HR Al-Bukhari). Dalam riwayat Ahmad disebutkan, "Puasa yang disukai Nabi Muhammad SAW ialah puasa di bulan Syaaban."

Artinya, ***"Umpama puasa sunnah yang kedua belas adalah puasa Syaaban, ia akan memperoleh sya'faat kelak."***

Sebagai umatnya, puasa sunnah yang dilakukan Nabi Muhammad SAW ini penting untuk kita amalkan. Meskipun tidak mampu meniru sepenuhnya apa yang diamalkan Nabi Muhammad SAW, paling tidak kita cuba berpuasa semampunya dalam bulan Syaaban. Selain mendapatkan ganjaran, puasa Syaaban dapat melatih diri sendiri agar bersiap melakukan puasa wajib Ramadhan.



# AKAN DIBUKA di Bandar Baru Bangi



HOTEL   
**TENERA**

“..Enriching Every Stay..”

+6 03 2692 9992  
hoteltenera.kpf@felda.net.my



Diuruskan oleh KPF Hotel Management Sdn. Bhd.  
(Subsidiari Kumpulan KPF)

## PROMOSI PEMBUKAAN

@ Institut Semarak FELDA

www.feldadsaji.com.my

Azan: 014 - 3388 794 | Nadia: 019 - 2956 232



## ar-rah

SISTEM PEMBIAYAAN BERCAGAR EMAS

### PENGENALAN ar-rah

### KEISTIMEWAAN ar-rah

**ar-rah** KPF merupakan perkhidmatan pembiayaan bercagar emas (sistem pajak gadai Islam) yang telah diperkenalkan sebagai alternatif kepada pajak gadai konvensional yang mana bertujuan untuk menghapuskan riba & gharar. Ini sejajar dengan matlamat asal pajak gadai Islam, iaitu sebagai fardhu kifayah kepada masyarakat Islam khususnya. **ar-rah** KPF merupakan pembiayaan mudah jangkamasa pendek yang mesra pelanggan.

Bagi Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF), ini merupakan salah satu cabang baru di dalam portfolio pelaburannya di bawah Perbankan Koop dan Takaful.

**ar-rah** KPF ditubuhkan bagi memberikan perkhidmatan pembiayaan kecil bercagarkan emas patuh syariah kepada semua lapisan masyarakat.

Produk patuh syariah

Transaksi adil, telus, mudah dan cepat

Kadar pembiayaan sehingga 75%  
(Tertakluk kepada terma dan syarat)

Kadar upah simpan yang kompetitif.

Penggadai dimaklumkan sebelum barang gadaian dilelong

Lebihan baki lelongan akan dikembalikan kepada penggadai

### JARINGAN KORPORAT

## ar-rah

Diselia Oleh:



Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Ruj : SKM.IP.(U)

“Teman Pembiayaan Mudah Anda”

